

# PANDUAN JURUBAHASA ASING DI MAHKAMAH TAHUN 2013

(Pindaan setakat 22 Julai 2014)

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia



**PANDUAN SEBAGAI JURUBAHASA BAHASA ASING DI MAHKAMAH**  
**PEJABAT KETUA PENDAFTAR**  
**MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**ETIKA SEBAGAI JURUBAHASA MAHKAMAH**

1. Jurubahasa hendaklah memberikan tafsiran yang lengkap dan tepat tanpa mengubah, meninggalkan, dan/atau menambah apa-apa keterangan yang diberikan sama ada lisan atau bertulis.
2. Jurubahasa hendaklah adil dan saksama dalam memberikan tafsiran dan tidak memihak kepada mana-mana pihak dan hendaklah memaklumkan kepada Mahkamah sekiranya terdapat apa-apa konflik kepentingan di antara jurubahasa dan pihak-pihak.
3. Jurubahasa tidak boleh memberi nasihat perundangan, meluahkan pendapat peribadi kepada pihak-pihak yang terlibat atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti lain sewaktu menjalankan tugas.
4. Jurubahasa hendaklah melaporkan kepada pihak berkuasa apa-apa usaha untuk menghalang beliau dari menjalankan tugas-tugasnya sebagai jurubahasa.
5. Tugas-tugas Jurubahasa hanyalah setakat menterjemahkan prosiding Mahkamah (di Mahkamah Terbuka dan/atau Dalam Kamar) tertakluk kepada apa-apa arahan lanjut daripada Hakim/Majistret.
6. Jurubahasa hendaklah mencerminkan '*proper court decorum*', menjaga tingkah laku dan sentiasa menghormati Mahkamah.
7. Jurubahasa hendaklah tidak terlibat dengan kelakuan tidak bermoral semasa bertugas atau diluar waktu bertugas yang menjelaskan nama baik Mahkamah.
8. Jurubahasa adalah dilarang sama sekali untuk menerima balasan dalam apa-apa bentuk kepada perkhidmatan yang diberikan selain daripada elauan yang dibayar mengikut kadar yang ditetapkan.

## **1. LANTIKAN JURUBAHASA MAHKAMAH**

- 1.1 Sebarang lantikan jurubahasa adalah hanya melalui Bahagian Sijil Amalan, Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi berdasarkan Arahan Pentadbiran Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Bil 3 Tahun 2013. Lantikan daripada mana-mana pihak selain daripada Bahagian Sijil Amalan, Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya adalah tidak dibenarkan.
- 1.2 Sebarang makluman mengenai penarikan diri dari lantikan hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Sijil Amalan, Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya melalui emel di [bah.sa@kehakiman.gov.my](mailto:bah.sa@kehakiman.gov.my) sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum tarikh perbicaraan manakala cuti kecemasan/cuti sakit hendaklah dimaklumkan satu (1) hari sebelum tarikh perbicaraan. Sesalinan Cuti Sakit hendaklah diserahkan kepada Bahagian Sijil Amalan, Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya dengan kadar segera.

## **2. KOD PAKAIAN DI DALAM MAHKAMAH**

- 2.1 Jurubahasa hendaklah memakai kot/blazer berwarna hitam/biru gelap, berpakaian bersih, kemas dan tidak menjolok mata. Jurubahasa adalah dilarang untuk memakai :
  - a) Skirt/Seluar pendek
  - b) Jeans
  - c) Selipar
  - d) Topi
  - e) Cermin mata hitam
  - f) Jaket kulit/jaket denim /baju kemeja tanpa lengan
  - g) Pakaian warna terang dan sarat dengan perhiasan

## **3. PERSIDANGAN DI MAHKAMAH**

- 3.1 Jurubahasa hendaklah tiba awal di Mahkamah iaitu 10 minit sebelum pukul 9.00 pagi. Sesalinan Surat Lantikan dari PKPMP dan Surat Arahan Syarikat (terpakai kepada Jurubahasa Asing Syarikat) hendaklah diserahkan kepada Jurubahasa Tetap Mahkamah sebelum perbicaraan bermula bagi mengenalpasti nombor giliran kes yang memerlukan penterjemahan.
- 3.2 Jurubahasa dikehendaki menunggu giliran perbicaraan dengan duduk di meja barisan akhir pihak pendakwaan.
- 3.2 Jurubahasa adalah diingatkan untuk memberikan perkhidmatan terhadap kes yang ditugaskan sehingga kes selesai pada hari tersebut dan memaklumkan kepada Jurubahasa Tetap Mahkamah sekiranya terdapat keperluan untuk keluar sebentar.
- 3.4 Jurubahasa hendaklah mendapatkan surat pengesahan daripada Jurubahasa Tetap Mahkamah selepas kes selesai.

**4. TUNTUTAN BULANAN PERJALANAN (JURUBAHASA ASING PERSENDIRIAN)**

- 4.1 Jurubahasa Asing Persendirian hendaklah menghantar tuntutan perjalanan beserta bukti-bukti tuntutan (salinan resit dan sebagainya) dan hendaklah dihantar ke Bahagian Sijil Amalan, Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi secara pos laju sebelum 10 haribulan setiap bulan. Sebarang kelewatan akan menyebabkan tuntutan perjalanan ditolak serta merta.
5. Kegagalan jurubahasa untuk mematuhi mana-mana peraturan di atas akan menyebabkan jurubahasa tersebut dikeluarkan daripada senarai jurubahasa berdaftar dengan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia.

**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

*Dikemaskini setakat 22 Julai 2014*